Praktis 4 Sajak *Bintang*

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah ini.

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Bintang

Suatu malam aku duduk
di halaman rumah
kulihat cantiknya bintang-bintang
menghias langit yang terbentang
aku ingin terbang ke sana
membawa pulang bintang-bintang
tentu ibu gembira
tentu ayah bahagia
melihat rumah ini
penuh dengan cahaya.

Tetapi kata ibu
itu tidak perlu
ayah sudah ada bintang
begitu juga ibu
rumah *sudah bercahaya*
begitu juga jiwa mereka
bintang itu adalah aku
bintang hati ayah dan ibu

SITI ZALEHA M. HASHIM

Dipetik daripada
antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia

1 Rangkai kata *sudah bercahaya* bermaksud
A telah bersinar. **C** masih berseri.
B akan berkilau. **D** mungkin berhias.

Mentafsir Aras R

2

aku ingin terbang ke sana membawa pulang bintang-bintang tentu ibu gembira tentu ayah bahagia

Berdasarkan baris sajak di atas, apakah peribahasa yang sesuai?
A Seperti ikan kena tuba
B Seperti bulan jatuh ke riba
C Seperti anai-anai makan kayu
D Seperti rusa masuk ke kampung

Mentafsir Aras R

3 Apakah persoalan yang terdapat dalam rangkap pertama sajak ini?
A Harapan seorang anak kecil.
B Sikap seorang anak yang manja.
C Tanggungjawab seorang anak untuk membahagiakan ayah dan ibunya.
D Kehidupan seorang anak dan ibu bapanya yang serba kekurangan.

Memahami; Menganalisis Aras S

4 Mengapakah ibu penyajak mengatakan bahawa penyajak tidak perlu mengambil bintang-bintang di langit?
A Ibu penyajak tidak suka akan cahaya.
B Ibu penyajak bimbang dunia akan menjadi gelap.
C Ibu dan ayah penyajak akan mengambil bintang-bintang itu.
D Ibu dan ayah penyajak sudah mempunyai bintang yang bercahaya di rumah dan dalam jiwa mereka.

Memahami; Menganalisis Aras S

5 Penyataan yang manakah **tidak benar** tentang sajak?
A Penyajak menyaksikan gugusan bintang di langit.
B Penyajak ingin terbang ke langit untuk mengambil bintang-bintang itu.
C Penyajak mahu memberikan bintang-bintang itu kepada ibu dan ayahnya.
D Ibu dan ayah penyajak ialah bintang hati penyajak.

Menganalisis; Menyusun Aras T

LIVEWORKSHEETS